

03 AUG 1999

ELAUN KETUA KAMPUNG DI PERAK DINAIKKAN 100 PERATUS

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Elaun ketua kampung di Perak dinaikkan seratus peratus berdasarkan jumlah tahun mereka telah berkhidmat mulai 1 Julai lepas, iaitu antara RM60 hingga RM90 seorang sebulan, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib mengumumkan hari ini.

Katanya, kerajaan negeri juga turut meluluskan kenaikan elaun mesyuarat bulanan anggota-anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) antara RM2 hingga RM3 berkuatkuasa tarikh yang sama.

"Kenaikan elaun itu akan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM975,132 setahun kepada kerajaan negeri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum itu, Ramli membuat pengumuman mengenai kenaikan elaun seramai 711 ketua kampung di negeri ini pada majlis pelancaran program kilat projek perumahan kos rendah negeri Perak oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bercham Raya di sini hari ini.

Ramli berkata bagi ketua kampung yang berkhidmat kurang daripada enam tahun, elaun mereka akan dinaikkan daripada RM60 kepada RM120 sebulan manakala yang berkhidmat daripada enam hingga sembilan tahun pula daripada RM75 kepada RM150 sebulan dan yang berkhidmat sembilan tahun ke atas, daripada RM90 kepada RM180 sebulan.

Beliau berkata elaun anggota JKKK pula dinaikkan daripada RM12 kepada RM15 sebulan dan setiausahaanya mendapat kenaikan daripada RM18 kepada RM20 sebulan.

-- BERNAMA.

HK RHM